



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	18/2/2013

Mahathir terus burukkan PAS dengan fakta palsu

Harakah - 18/2/2013

KUALA LUMPUR: PAS mendakwa sebahagian fakta yang dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melalui entrinya 14 Februari lalu bertajuk "Siapa Tipu Siapa" adalah tidak benar.

Setiausaha Agung PAS, Dato' Mustafa Ali menyangkal tulisan secara sukarela menawarkan diri untuk bersemuka dengan Dr Mahathir itu untuk membuat pembetulan fakta dan membantu membuat kenyataan berdasarkan fakta sah.

"Saya sedia semuka dengan beliau untuk jelaskan fakta. Saya sendiri merupakan sebahagian daripada kerajaan ketika itu dan menyaksikan sendiri *survival* PAS dalam mengatasi kemelut yang berlaku.

"Banyak fakta yang disebutkan itu salah. Yang per-



Mustafa Ali

tamanya, PAS bukan keluar dari BN sebaliknya dipecat dari BN. Malah pemecatan itu dilakukan bukannya selepas pilihan raya sebaliknya sebelum pilihan raya," katanya dipetik daripada *Sinar Harian Online*.

Dr Mahathir mendakwa Umno tidak melakukan penipuan berhubung dakwaan yang dikeluarkan oleh

Mursyidul Am PAS, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat semasa parti itu berada dalam BN.

Dalam entri itu, beliau menjelaskan kenapa PAS tidak boleh bersama Umno dalam usaha untuk menyatukan orang Melayu.

Membetulkan fakta, Mustafa berkata, PAS tidak pernah keluar daripada BN sebaliknya dipecat daripada komponen itu.

Beliau juga menjelaskan, konflik Dato' Asri Muda dan Dato' Mohd Nasir hanyalah masalah dalaman parti dan menafikan Mohd Nasir pernah mencabar Asri sebagai Presiden PAS.

Sebaliknya, ketika konflik PAS memuncak, Umno berperanan mengaturkan agenda untuk merosakkan suasana dan mengadakan demonstrasi di Kelantan sehingga negeri itu diisytihar

darurat, seterusnya Dun Kelantan dibekukan.

Katanya lagi, ketika usul tersebut dibawa ke Parlimen, kesemua pemimpin PAS yang berjawatan dalam kabinet sepakat meletak jawatan kerana tidak bersetuju dengan usul tersebut.

"Moral politiknya, kalau nak lawan perlu letak jawatan. Oleh sebab BN ketika itu ada kelebihan majoriti, maka sebab itu undang-undang itu tetap diluluskan. Lepas itu dikeluarkan PAS daripada BN pada akhir 1977. Pilihan raya dibuat pada 1978.

"Sebaik PAS dikeluarkan dari BN, bermula segala tohmahan dan fitnah dikenakan ke atas PAS. Teruk fitnah masa itu," ujarnya.

Kesal dengan kenyataan Mahathir itu, Mustafa turut mendedahkan bahawa Ma-

hathir sewaktu memegang portfolio sebagai Menteri Pelajaran pernah mengeluarkan kenyataan bahawa antara sebab PAS perlu dikeluarkan dari BN ialah jika PAS terus berada dalam BN, orang Melayu tetap tidak bersatu.

Beliau turut mengakui dakwaan Mahathir bahawa Asri ketika diberi tanggungjawab sebagai Menteri Tanah dan Galian yang bertanggungjawab terhadap Felda ada melakukan dakwah tentang Islam sehingga menyebabkan orang Umno sertai PAS.

Mustafa mendakwa apa yang dibangkitkan Mahathir hanyalah agenda politik Umno yang tidak boleh terima pihak yang bersama Umno mempunyai kelebihan dan Umno akan cuba mengawalinya.